

D650

U B467 BAH
MAHATHIR - PELANCONGAN R R R

PULAU PINANG, 19 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA INDUSTRI PELANCONGAN DI MALAYSIA MENUNJUKKAN POTENSI UNTUK BERKEMBANG DENGAN BAIKNYA SELEPAS LAPAN BULAN PERTAMA PELAKSANAAN TAHUN MELAWAT MALAYSIA 1990.

PERDANA MENTERI BERKATA KEDATANGAN PELANCONG ASING TELAH MENINGKAT TAHUN DEMI TAHUN DAN ANGKA INI MENINGKAT LEBIH PESAT APABILA TAHUN 1990 DIISYTIHARKAN SEBAGAI TMM.

DALAM LAPAN BULAN PERTAMA TAHUN INI, IAITU SEJAK JANUARI HINGGA OGOS, ANGKA BERKENAAN MENINGKAT KEPADA 4.68 JUTA PELANCONG, KATANYA KETIKA BERUCAP MERASMIKAN HOTEL EQUATORIAL DI BUKIT JAMBUL, DI SINI HARI INI.

+INI BERMAKNA MATLAMAT TMM, IAITU SERAMAI 4.3 JUTA PELANCONG UNTUK SEPANJANG TAHUN 1990 DICAPAI DALAM JANGKA MASA KURANG DARIPADA LAPAN BULAN.+

BELIAU BERKATA DALAM TEMPOH LAPAN BULAN PERTAMA TAHUN INI, PENDAPATAN TUKARAN WANG ASING JUGA MENINGKAT KEPADA \$2,740 JUTA DAN DIJANGKA MELEBIHI \$4,000 JUTA SEHINGGA AKHIR TAHUN INI, JAUH LEBIH TINGGI DARIPADA ANGGARAN SELURUH TMM. -- LAGI.

1931MST 19 09 90

D658

U B476 BAH
MAHATHIR - PELANCONGAN 2 PULAU PINANG

BELIAU BERKATA INDUSTRI PELANCONGAN SEBENARNYA SATU +LOMBONG EMAS+ BAGI MALAYSIA YANG CANTIK DAN MENARIK INI DAN KEKAYAAN YANG TIDAK TERHINGGA BOLEH DIDAPATI OLEH RAKYAT DAN NEGARA DARIPADA PERTUMBUHAN INDUSTRI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR YAKIN, WALAUPUN BILANGAN PELANCONGAN TELAH MENINGKAT KEPADA LEBIH 4 JUTA ORANG, NEGARA MAMPU MENARIK BERKALI GANDA LEBIH DARIPADA JUMLAH ITU.

BAGAIMANAPUN, PERDANA MENTERI BERKATA MASIH BANYAK LAGI YANG PATUT DITAMBAH DAN DIPERBAIKI AGAR USAHA MENGGALAKKAN PELANCONGAN INI TIDAK TERBANTUT.

BELIAU BERKATA SALAH SATU KEKURANGAN IALAH KEMUDAHAN PENGINAPAN KADAR SEDERHANA DAN MURAH SEPerti CHALET, MOTEL, RUMAH TETAMU DAN HOTEL SEDERHANA UNTUK MEMENUHI KEPERLUAN PELANCONG YANG KURANG BERKEMAMPUAN.

BELIAU BERKATA UNTUK MENGGALAKKAN PELANCONGAN, KEMUDAHAN PENGINAPAN BERHARGA SEDERHANA DAN MURAH HENDAKLAH DISEDIAKAN SECUKUPNYA KERANA SEBAHAGIAN BESAR PELANCONG LUAR NEGERI DAN DALAM NEGERI MEMERLUKAN KEMUDAHAN SEDEMIKIAN. -- LAGI.

1946MST 19 09 90

D672

U B478 BAH
MAHATHIR - PELANCONGAN 3 PULAU PINANG

KATANYA, EKORAN KEKURANGAN KEMUDAHAN PENGINAPAN SEDERHANA DAN MURAH, TERDAPAT PENGUSAHA PENGINAPAN MENAIKKAN KADAR SEWA HOTEL, SEDANGKAN LANGKAH ITU AKAN HANYA MEMBERI KEUNTUNGAN JANGKA PENDEK, TETAPI PADA JANGKA PANJANGNYA IA MERUGIKAN BUKAN SAHAJA NEGARA MALAHAN PENGUSAHA SENDIRI.

+KEUNTUNGAN OPERASI HOTEL SEPATUTNYA BERSANDARKAN KEPADA KADAR PENGINAPAN YANG TINGGI. KADAR SEWA YANG RENDAH AKAN MENINGKATKAN KADAR PENGINAPAN YANG JUGA AKAN MELARISKAN PERKHIDMATAN HOTEL YANG LAIN SEPERTI MINUMAN DAN MAKANAN.+

SELARAS DENGAN ITU, BELIAU BERHARAP PENGUSAHA SWASTA, TERUTAMA YANG TELAH LAMA MENCEBURI INDUSTRI PELANCONGAN MEMBERI PENEKANAN YANG LEBIH UNTUK MENAMBAHKAN LAGI KEMUDAHAN PENGINAPAN SEDERHANA DAN MURAH.

BELIAU BERKATA DENGAN TERBINANYA LEBIH BANYAK KEMUDAHAN PENGINAPAN SEDERHANA DAN MURAH, KERAJAAN YAKIN KADAR SEWA HOTEL AKAN SEIMBANG DAN LEBIH BERDAYA SAING.

BELIAU MEMBERI JAMINAN BAHAWA KERAJAAN AKAN TERUS BERUSAHA MENARIK PELANCONG WALAUPUN TMM TAMAT DAN PERUNTUKAN MENCUKUPI AKAN DISEDIAKAN.

KERAJAAN YAKIN INDUSTRI PELANCONGAN AKAN DAPAT MENGGERAKKAN PERTUMBUHAN EKONOMI NEGARA BERSAMA-SAMA DENGAN INDUSTRI PEMBUATAN DAN PERTANIAN, KATA BELIAU.

YANG TURUT HADIR PADA PERASMIAN HOTEL BERTHARGA \$60 JUTA DAN MEMPUNYAI 413 BILIK ITU IALAH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI, KETUA MENTERI DR LIM CHONG EU DAN MENTERI PENERANGAN DATUK MOHAMED RAHMAT. -- BERNAMA

2014MST 19 09 90